

**PENGENALAN KEPADA
INRE ENFORCEMENT DAN PELAKSANAAN
PEWAKILAN KUASA KAWALAN HAKISAN
DAN KELODAKAN KEPADA JPS**

**1-4 April 2013
KADA, Lojing, Kelantan**

KANDUNGAN PEMBENTANGAN


- **1NRE ENFORCEMENT**
- **PEWAKILAN KUASA KEPADA JPS**

LATAR BELAKANG


Hakisan & kelodakan tidak terkawal
menyebabkan pelbagai masalah alam sekitar
termasuk kemerosotan kualiti sungai



TREN KUALITI AIR SUNGAI, 2005 - 2011



TREN KUALITI AIR SUNGAI BERDASARKAN SUB-INDEKS SS, 2005 - 2011




STRATEGI PENGURUSAN ALAM SEKITAR

PENDEKATAN KAWALAN

- Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 & Zon Eksklusif Ekonomi

PENDEKATAN PENCEGAHAN

- Perancangan Guna Tanah
- Input Alam Sekitar Kepada Pembangunan Projek
- EIA



FUNGSI JABATAN ALAM SEKITAR

Mentadbir dan Menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan Peraturan-Peraturan serta Perintah-Perintah yang dibuat di bawahnya & Bahagian IV, Akta Zon Ekonomi Eksklusif, 1984



VISI JABATAN ALAM SEKITAR

Pemuliharaan Alam Sekitar Untuk Kesejahteraan Rakyat



MISI JABATAN ALAM SEKITAR

Memastikan Pembangunan Lestari di dalam Proses Memajukan Negara



MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pemuliharaan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

KAWALAN HAKISAN DAN SEDIMEN



PENYEDIAAN EIA

- ***GUIDANCE DOCUMENT FOR ADDRESSING SOIL EROSION & SEDIMENT CONTROL ASPECTS IN THE EIA REPORT***



PENYEDIAAN EMP

- ***GUIDANCE DOCUMENT FOR THE PREPARATION OF ENVIRONMENTAL MANAGEMENT PLAN (EMP)***



PENYEDIAAN ESCP

- ***GUIDANCE DOCUMENT FOR THE PREPARATION OF SOIL EROSION AND SEDIMENT CONTROL PLAN (ESCP)***



SYARAT-SYARAT KELULUSAN EIA – KAWALAN HAKISAN DAN SEDIMEN



MANUAL PEMERIKSAAN BMPs

PENGUATKUASAAN EIA

- Penguatkuasaan EIA adalah berdasarkan kepada semakan terhadap pematuhan syarat-syarat kelulusan EIA yang telah dikeluarkan JAS.





1NRE ENFORCEMENT TEAM

INISIATIF 1NRE ENFORCEMENT



“Objektif penubuhan 1NRE Enforcement Team ialah untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan dengan mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada (pegawai yang terlibat dengan tugas penguatkuasaan). Dalam hubungan ini, sesebuah jabatan akan bertanggungjawab secara langsung menjalankan semua tugas dan fungsi penguatkuasaan yang sepatutnya dijalankan oleh jabatan lain (Jabatan di bawah NRE) di sesuatu kawasan yang dikenal pasti.”

YB Dato Sri Douglas Uggah Embas
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
Semasa Mesyuarat Kumpulan Fokus, 4 Oktober 2010

INISIATIF 1NRE ENFORCEMENT

- Pendekatan baru
- NRE menubuhkan 1NRE Enforcement
- Terdiri daripada pelbagai agensi penguatkuasa di bawah NRE
- Menjalankan penguatkuasaan secara bersepadu

INISIATIF 1NRE ENFORCEMENT

- **Contoh :**
- **TAMAN NEGERI ROYAL BELUM**
- **Penguatkuasaan bersepadu di antara :**
 - **PERHILITAN**
 - **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia**
 - **Royal Belum State Park Board.**



PEWAKILAN KUASA KEPADA JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN

KRONOLOGI

APRIL
2011

- MESYUARAT PROBLEM SOLVING BIL 5/2011 – Perkara 23
- menetapkan penguatkuasaan syarat-syarat EIA berkaitan kawalan hakisan dan sedimen diwakil kuasakan kepada pegawai-pegawai JPS

16 MEI
2011

- MESYUARAT PERTAMA DENGAN JPS
- TAKLIMAT KEPADA JPS
- DOKUMEN DIKEMUKAKAN – SOP EIA/PROSIDUR ISO 9000/SENARAI SEMAK PENGUATKUASAAN EIA
- BERSETUJU DENGAN CADANGAN WAKIL KUASA

23 & 26
OGOS
2011

- MENDAPATKAN SENARAI JAWATAN JPS

KRONOLOGI

**19 SEPT
2011**

- **SENARAI PERJAWATAN DITERIMA**

**19 SEPT
2011 – 7
APRIL 2012**

- **DRAF DISEDIAKAN/SEMAKAN PUU JAS/DIKEMUKAKAN
KPD JPN**

**6 MAC
2012**

- **MESYUARAT MODUL LATIHAN**
- **Senarai perjawatan/modul/bajet/tempat
kursus/jurulatih/seminar**

KRONOLOGI

**2 MEI
2012**

- **SEMINAR PERWAKILAN KUASA KEPADA JPS YANG TERLIBAT**

**29 MEI
2012**

- **MESYUARAT BERSAMA JPS TENTANG LATIHAN DAN LAIN-LAIN**

**25 JUN
2012**

- **TAKLIMAT KEPADA PENGURUSAN TERTINGGI JPS**
- **DRAF DISEDIAKAN/SEMAKAN PUU JAS/DIKEMUKAKAN KEPADA JPN**

KRONOLOGI

**2 DIS
2012**

- **PEWARTAAN PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA)(PENYIASATAN KE ATAS KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN) 2012**

**18 FEB
2013**

- **MESYUARAT BERSAMA JPS TENTANG MEKANISMA PELAKSANAAN PEWAKILAN KUASA KEPADA JPS**

**18 MAC
2013**

- **PENYERAHAN SURAT WAKIL KUASA KEPADA JPS SEMASA PERHIMPUNAN BULANAN NRE**

LATIHAN PENGUATKUASAAN KEPADA PEGAWAI JPS

- ✓ Empat siri latihan
 - antara September – November 2012
- ✓ 140 orang pegawai JPS telah dilatih
- ✓ berbentuk “Train-the Trainers”

HANDS ON TRAINING KEPADA PEGAWAI JPS





LATIHAN PEGAWAI JPS ANJURAN JPS PAHANG





LATIHAN PEGAWAI JPS ANJURAN JPS PAHANG

PERWAKILAN KUASA KEPADA JPS

PERANAN

- Mempunyai kuasa sebagai pegawai penyiasat (*investigation officer* – IO)

SKOP

- Penguatkuasaan syarat-syarat kelulusan EIA bagi kawalan hakisan dan sedimen bagi projek EIA diluluskan
- Pematuhan ESCP

Prosedur

- SOP Penguatkuasaan EIA

PUNCA KUASA DI BAWAH AKTA 127

SEKSYEN 49

PERWAKILAN

SEKSYEN 34A

LAPORAN
MENGENAI
KESAN KEPADA
ALAM
SEKELILING
AKIBAT AKTIVITI
YANG
DITETAPKAN

SEKSYEN 31

KUASA UNTUK
MENGHENDAKI
PEMUNYA ATAU
PENDUDUK
MEMASANG,
MENGENDALI,
MEMBAIKI, DSB

SEKSYEN 37

PEMUNYA ATAU
PENDUDUK
HENDAKLAH
MEMBERI
MAKLUMAT

SEKSYEN 38

KUASA UNTUK
MENAHAN,
MENAIKI,
MENGSELIDAH,
DSB

SEKSYEN 38A

KUASA UNTUK
MEMERIKSA
ORANG YANG
MENGETAHUI
KES

SEKSYEN 49 - PEWAKILAN

- (1) Ketua Pengarah boleh **dengan perintah** mewakilkan mana-mana daripada kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan tugas-tugasnya di bawah Akta ini berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen, penyiasatan kesalahan-kesalahan dan penguatkuasaan Akta ini kepada **mana-mana pegawai awam, mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang dilantik olehnya.**
- (2) Jika Ketua Pengarah telah mewakilkan apa-apa kuasa kepada mana-mana Jabatan Kerajaan, mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana jawatankuasa, maka mana-mana pegawai bagi Jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa tempatan itu atau mana-mana ahli jawatankuasa itu boleh menjalankan mana-mana daripada kuasa-kuasa yang boleh dijalankan oleh Ketua Pengarah itu jika sekiranya ia telah menjalankan kuasa itu sendiri.

SEKSYEN 49 - PEWAKILAN

- (3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh melepaskan Ketua Pengarah daripada apa-apa tanggungjawab bagi memperlindungi alam sekeliling dan daripada mentadbirkan Akta ini.
- (4) Sesuatu perwakilan boleh dibatalkan atau di ubah pada bila-bila masa oleh Ketua Pengarah.

**PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(PEWAKILAN KUASA) (PENYIASATAN
KE ATAS KAWALAN HAKISAN DAN
KELODAKAN) 2012**



6 Disember 2012
6 December 2012
P.U. (A) 436

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING
(PEWAKILAN KUASA) (PENYIASATAN KE ATAS
KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN) 2012

*ENVIRONMENTAL QUALITY
(DELEGATION OF POWERS) (INVESTIGATION ON EROSION
AND SEDIMENT CONTROL) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Copyright of the Attorney General's Chambers of Malaysia

**DIWARTAKAN PADA
6 DISEMBER 2012**

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PEWAKILAN KUASA)
(PENYIASATAN KE ATAS KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 49(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Ketua Pengarah membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan ke atas Kawalan Hakisan dan Kelodakan) 2012**.

Pewakilan Kuasa

2. Ketua Pengarah mewakilan kuasa di bawah seksyen 31, 37, 38 (kecuali kuasa untuk menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana kapal atau pesawat udara) dan 38A Akta berkenaan dengan kawalan kehakisan dan kelodakan bagi aktiviti yang ditetapkan di bawah seksyen 34A Akta kepada pegawai yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Mana-mana Juruteknik, Penolong Jurutera dan Jurutera di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Dibuat 23 Oktober 2012
[AS(S)91/110/919/014 sk 2; PN(PU2)280/XIV]

HALIMAH BT HASSAN
Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

PEWAKILAN KUASA KEPADA JPS

- Seksyen 31 : Jurutera JPS sahaja
- Seksyen 37 : Jurutera JPS sahaja
- Seksyen 38 (kecuali kuasa untuk menahan, menaiki dan menggeledah mana-mana kapal atau pesawat udara) – Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik JPS
- Seksyen 38A – Jurutera, Penolong Jurutera dan Juruteknik JPS

Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

- 1) Jika mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau daripada mana-mana pesawat udara, Ketua Pengarah **boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk kenderaan, kapal atau premis, atau pesawat udara itu, untuk-**
 - (a) memasang dan mengendalikan apa-apa kelengkapan kawalan atau kelengkapan kawalan tambahan;
 - (b) membaiki, mengubah atau mengganti apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan;
 - (c) mendirikan atau meninggikan lagi apa-apa cerobong;

Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

- (d) mengukur, mengambil sampel, menganalisa, merekod dan melaporkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar, buangan, pengaliran atau keluaran yang mengandungi pencemar;**
- (e) menjalankan suatu kajian ke atas apa-apa risiko alam sekeliling;**
- (f) memasang, menyenggara dan mengendalikan suatu program pengawasan atas perbelanjaan pemunya atau penduduk; atau**
- (g) mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran, dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu.**

Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

(2) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain yang berlawanan, Ketua Pengarah **boleh melalui notis mengarahkan pemunya** atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, atau premis, atau pesawat udara untuk mengeluarkan, melepaskan atau meletakkan benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan pada waktu siang yang ditentukannya dan boleh secara amnya mengarahkan cara yang baginya pemunya atau penduduk itu hendaklah menjalankan tred, industri atau proses atau mengendalikan apa-apa kelengkapan, loji perindustrian atau kelengkapan kawalan di dalamnya.

Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

(3) Mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi **dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan denda** selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau (2).

Seksyen 37. Pemunya atau penduduk hendaklah memberi maklumat.

(1) Ketua Pengarah boleh melalui notis menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara untuk **memberikan kepadanya dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu maklumat berhubung** dengan-

(a) pemunyaan kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;

(b) penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling, atau apa-apa proses, kelengkapan, kelengkapan kawalan atau loji perindustrian yang terdapat pada kenderaan, kapal, premis atau pesawat udara itu;

(c) apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dilepaskan atau berkemungkinan dilepaskan daripadanya; atau

(d) apa-apa risiko alam sekeliling yang berkemungkinan berlaku akibat daripada penggunaan bahan mentah, benda berbahaya kepada alam sekeliling atau proses.

SEKSYEN 37. PEMUNYA ATAU PENDUDUK HENDAKLAH MEMBERI MAKLUMAT

(2) Apabila seseorang dikehendaki oleh Ketua Pengarah menjawab sesuatu soalan atau memberi sesuatu maklumat dan orang itu tidak menjawab soalan itu atau tidak memberi maklumat itu sebagaimana dikehendaki atau memberi sesuatu jawapan atau maklumat yang palsu atau mengelirukan tentang sesuatu perkara maka orang itu adalah melakukan **suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya.**

Seksyen 38. Kuasa untuk menahan, menaiki, menggelidah, dsb

(1) Jika Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis, berpuas hati, atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk berbuat demikian bagi **maksud menyiasat kesalahan itu, tanpa waran**, menahan, menaiki dan menggelidah mana-mana kenderaan, kapal atau pesawat udara, atau **memasuki mana-mana premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu** adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, dan boleh-

Seksyen 38. Kuasa untuk menahan, menaiki, menggelidahkan, dsb

(a) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian;

(b) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buku, rekod, lesen, permit, perakuan atau dokumen berhubungan dengan-

(i) pelaksanaan atau penggunaan kelengkapan atau loji perindustrian itu;

(ii) benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan; atau

(iii) apa-apa hal yang dikehendaki di bawa atas kenderaan, kapal atau pesawat udara di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain;

Seksyen 38. Kuasa untuk menahan, menaiki, menggelidat, dsb

(c) menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling dan mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan dalam pembawa buangan terjadual atau benda berbahaya kepada alam sekeliling;

(d) membuat pertanyaan dan pemeriksaan fizikal atas kapal, kelengkapan, peralatan, stor dan kargo sebagaimana yang perlu;

(e) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, mana-mana buku, rekod atau dokumen yang disita dan ditahan sedemikian;

(f) menyiasat, memeriksa atau mengambil sampel mana-mana benda, bahan atau hal yang digunakan, berkemungkinan digunakan atau biasanya digunakan dalam mana-mana tred, industri atau proses yang dijalankan dalam atau di atas kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu; atau

(g) mengambil sampel mana-mana benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan, atau berkemungkinan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada kenderaan, kapal, premis, atau pesawat udara itu.

Seksyen 38A. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

(1) Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya dalam menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan hendaklah mengubah dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

Seksyen 38A. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubungan dengan kes itu yang diajukan kepadanya oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh enggan menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin berkecenderungan mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

Seksyen 38A. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

(3) Seseorang yang membuat pernyataan di bawah seksyen ini adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat secara keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai jawapan kepada soalan-soalan itu.

(4) Ketua Pengarah, atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya, dalam **memeriksa seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terlebih dahulu memberitahu** orang itu tentang peruntukan subseksyen (2) dan (3).

Seksyen 38A. Kuasa untuk memeriksa orang yang mengetahui kes.

(5) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang di bawah seksyen ini hendaklah, bila-bila masa mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa pernyataan itu dibuatnya dan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu, dan jika orang yang diperiksa itu enggan menandatangani atau mengecapkan cap ibu jarinya pada pernyataan itu, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa sewajarnya secara bertulis olehnya hendaklah mengendorskan padanya di bawah tandatangannya fakta keengganan itu dan sebabnya, jika ada, sebagaimana yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

RANCANGAN PELAKSANAAN PROGRAM

Bil	Perkara	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun
1	Mesyuarat Penyelarasan JAS-JPS		18				
2	Penyerahan Surat Kuasa			18			
3	Penguatkuasaan bersama JAS-JPS (<i>attachment</i>)						
4	Penguatkuasaan sepenuhnya oleh JPS						

STATUS PERSEDIAAN JPS

- Mesyuarat penyelarasan antara JAS-JPS pada 18 Februari 2013:
 - Kelengkapan dan Peralatan
 - Struktur Organisasi di JPS Negeri
 - Polisi JPS berkenaan Perwakilan Kuasa
 - Jawatankuasa oleh JPS
 - Mekanisma pelaksanaan perwakilan kuasa

PERANCANGAN PROGRAM

- Perbincangan antara JAS Negeri-JPS Negeri untuk:
 - Projek yang akan dipantau oleh JPS
 - Merangka program penguatkuasaan
 - Penentuan frekuensi penguatkuasaan
- Program penguatkuasaan yang telah dirangka dimaklumkan kepada JAS Negeri.
- penguatkuasaan syarat-syarat selain syarat kerja tanah.

PEMILIHAN PROJEK

- JAS akan menentukan projek yang dipantau oleh JPS.
- JPS dimaklumkan secara bertulis. Dokumen lain yang akan disertakan bersama adalah syarat kelulusan EIA dan EMP.

KRITERIA PEMILIHAN PROJEK

- (i) Projek baru (belum memulakan kerja tanah)
- (i) Di dalam kawasan lembangan sungai, di bawah program JPS 1Negeri 1Sungai
- (ii) Bukan projek di bawah seliaan JPS.

KELENGKAPAN & PERALATAN

- Senarai peralatan penguatkuasaan - *Lampiran D* dalam SOP Penguatkuasaan EIA
- PPE (*Personal Protective Equipment*)
- Kenderaan
- Bilik simpanan exhibit (bahan bukti – sampel)

DOKUMEN PENGUATKUASAAN UNTUK DISEDIAKAN OLEH JPS

- Penyediaan SOP Penguatkuasaan oleh JPS - rujuk SOP Penguatkuasaan EIA terbitan JAS.
- Borang-borang penguatkuasaan kerja-kerja tanah – format disediakan
 - Salinan JPS, pemaju projek dan JAS

PERKONGSIAN MAKLUMAT

- Notis Arahan, Surat Arahan dan maklumbalas daripada pemaju projek disalinkan kepada JAS.
- Pangkalan data penguatkuasaan syarat-syarat kerja tanah oleh JPS
 - Butiran hasil penguatkuasaan
 - Tindakan susulan

PENYERAHAN SURAT WAKIL KUASA KEPADA JPS PADA 18 MAC 2013



PENYERAHAN SURAT WAKIL KUASA KEPADA JPS PADA 18 MAC 2013



SEKIAN